

NO SOALAN :306

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK LIANG TECK MENG
(SIMPANG RENGAM)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima BR1M (Bantuan Rakyat 1 Malaysia) dari tahun 2013 hingga kini mengikut pecahan keturunan, umur, jantina dan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, BR1M diberikan kepada semua rakyat Malaysia yang berkelayakan. Syarat kelayakan BR1M adalah berdasarkan status perkahwinan serta pendapatan dan bukannya berdasarkan keturunan, umur, jantina ataupun negeri. Setiap permohonan akan melalui proses saringan yang dikendalikan oleh LHDNM berdasarkan syarat berikut:

- 1) Isi rumah berpendapatan RM3000 ke bawah (RM1200)
- 2) Isi rumah berpendapatan RM3001 - RM4000 (RM900)
- 3) Individu bujang berpendapatan RM2000 ke bawah (RM450).

Statistik jumlah penerima BR1M daripada tahun 2013 sehingga kini adalah seperti berikut:

Tahun 2013 : 6.80 juta penerima

Tahun 2014 : 6.96 juta penerima

Tahun 2015 : 7.44 juta penerima

Tahun 2016 : 7.28 juta penerima

Tahun 2017 : Sehingga 23 Julai 2017 : 6.96 juta penerima

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

RUJUKAN : 10115

PERTANYAAN :

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) jenis kursus pemulihan di penjara dan bagaimanakah penglibatan (reaksi) banduan dalam kursus-kursus tersebut; dan
- (b) jumlah banduan di penjara mengikut pecahan jantina, keturunan, umur dan jenis kesalahan mengikut kategori ringkas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

a) Program pemulihan melibatkan aspek pembinaan tingkah laku, kemahiran dan pengetahuan (*Attitude Skill and Knowledge*) mula diperkenalkan melalui Program Pemulihan Insan melibatkan 4 fasa utama iaitu:

- i. Fasa Pertama dinamakan Fasa Pembentukan Disiplin di mana elemen pembentukan disiplin serta tadbir urus diri diterapkan kepada seseorang banduan. Selain itu program kenegaraan dan kemahiran sosial juga diterapkan dalam fasa ini;
- ii. Fasa Kedua adalah Fasa Pembentukan Sahsiah di mana setiap banduan akan melalui program bagi membentuk perilaku dan potensi diri ke arah yang lebih baik. Elemen kesedaran dan tanggungjawab serta aspek kerohanian menjadi teras utama dalam proses pemulihan semula banduan dengan penerapan nilai-nilai yang mungkin hilang sebelum ini;
- iii. Fasa Ketiga adalah Fasa Latihan Kemahiran di mana banduan akan didedahkan dengan program berbentuk latihan bersijil dan latihan bukan bersijil. Dalam Fasa ini juga banduan dibenarkan untuk menyambung pengajian mereka ke peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan juga Doktor Falsafah (PhD); dan

iv. Fasa Keempat adalah Fasa Pemasyarakatan yang merupakan fasa latihan kepada banduan untuk mempersiapkan diri mereka berasimilasi sebagai persediaan untuk kembali semula kepada masyarakat.

b) Statistik Jabatan Penjara pada 10 Julai 2017 menunjukkan seramai 53,136 banduan sedang ditahan dan menjalani hukuman di seluruh penjara di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, seramai 36,485 adalah banduan sabitan manakala 16,651 adalah banduan bukan sabitan (reman). Manakala seramai 36,961 adalah warganegara dan 16,175 adalah warga asing. Untuk pecahan jantina pula, seramai 49,105 adalah lelaki manakala 4,031 adalah wanita.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG [SIMPANG
RENGGAM]**

SOALAN : 308

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan statistik penggunaan lapangan terbang
antarabangsa di Malaysia (dari tahun 2013 - kini) dan apakah usaha yang
diambil oleh Kementerian untuk menjadikan Malaysia sebagai hub
penerbangan rantau SEA.**

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman, statistik penggunaan lapangan terbang antarabangsa di Malaysia seperti di Lapangan Terbang KLIA, Pulau Pinang, Kuching, Kota Kinabalu dan Senai bagi tahun 2013 sehingga kini adalah seperti berikut:

JUMLAH PENUMPANG

| LAPANGAN TERBANG | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 (sehingga Jun) |
|------------------|------------|------------|------------|------------|------------------------|
| KLIA | 47,498,157 | 48,930,409 | 48,938,424 | 52,643,511 | 28,470,840 |
| Pulau Pinang | 5,487,751 | 6,041,583 | 6,258,756 | 6,684,026 | 3,503,125 |
| Kuching | 4,871,036 | 4,852,822 | 4,772,453 | 4,919,677 | 2,495,304 |
| Kota Kinabalu | 6,935,797 | 6,792,968 | 6,573,461 | 7,263,339 | 3,915,439 |
| Langkawi | 1,946,440 | 2,221,997 | 2,336,177 | 2,655,271 | 1,350,158 |
| Senai | 1,990,106 | 2,325,816 | 2,581,966 | 2,828,074 | 1,544,902 |

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sentiasa bekerjasama dan berkolaborasi dengan MAHB dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) bagi menarik lebih banyak syarikat penerbangan ke KLIA dan seterusnya menjadikan KLIA sebagai hub penerbangan yang terpenting di benua Asia Tenggara. Antara usaha yang telah dijalankan adalah dengan membuat pemasaran dan rundingan terus di antara Kerajaan dan syarikat penerbangan,

mengambil bahagian di dalam forum antarabangsa serta menawarkan insentif kepada syarikat-syarikat penerbangan.